



SEORANG penduduk, Kamaruddin Awang menunjukkan rumah yang masih ditenggelami banjir di Kampung Matang Pasir Beriah, Bagan Serai semalam.

Keadaan banjir tidak berubah di daerah Kerian

IPOH – Banjir di daerah Hilir Perak semakin pulih manakala keadaan di daerah Kerian tidak banyak berubah apabila seramai 88 penduduk dari lima kampung berhampiran masih ditempatkan di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Merah, Bagan Serai.

Jurucakap bilik gerakan banjir Kerian berkata, lima kampung yang terjejas ialah



Banjir

Kampung Batu 40, Kampung Air Hitam, Kampung Parit Abu Hassan Ban, Kampung Permatang Pasir dan Kampung Jalan Kertapi.

“Hujan lebat selama empat jam semalam (kelmarin)

menyebabkan kebanyakan rumah penduduk terbabit ditenggelami banjir sedalam 1.5 meter,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Dalam pada itu, sebahagian besar 600 penduduk Hilir Perak yang dipindahkan sebelum ini sudah pulang ke rumah masing-masing setelah keadaan banjir semakin beransur pulih semalam.